

5,000 sertai demonstrasi kecam Israel

NAIB Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaludin mengetuai kira-kira 5,000 orang yang, menyertai perarakan untuk menyatakan bantahan terhadap serangan dan pencerobohan Israel ke atas Palestin dan Lubnan, di ibu negara, petang semalam. Perarakan itu dibuat bagi menyerahkan memorandum bantahan ke lima pejabat perwakilan negara anggota tetap Majlis Keselamatan PBB iaitu Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Russia dan China. Dianjurkan Pemuda Barisan Nasional (BN), perarakan yang disertai wakil parti politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pelajar dan orang ramai itu bermula di Masjid Asy-Syakirin, KLCC selepas solat Jumaat serta berakhir di Kedutaan Perancis.